

# **PERATURAN PEMARKAHAN LATIH TUBI SPM 2021**

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
MASA 2 JAM**

1103/1



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

---

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1**

---

---

Skema Pemarkahan Latih tubi SPM ini mengandungi 11 halaman bercetak

## BAHAGIAN A

[ 30 markah ]


[ Masa dicadangkan : 30 minit ]

Maklumat di bawah ini berkaitan masyarakat penyayang.

Huraikan pendapat anda tentang budaya masyarakat penyayang di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

- Ambil berat
- Bertanggungjawab
- Rajin membantu
- Baik hati
- Toleransi
- Pemurah
- Prihatin
- Bertimbang rasa
- Bekerjasama
- Belas kasihan



• Dapat mewujudkan suasana aman dan harmoni.

• Dapat memperkuuh perpaduan.

• Dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat.

• Dapat meringankan beban golongan yang kurang nasib baik.



**RM100/keluarga**  
Sasaran: 500 keluarga



Kita.fund/tabungcovid19

Sumber : Internet

**FORMAT JAWAPAN - Tiada format**

**KEHENDAK SOALAN :**

1. Calon dapat menghuraikan kepentingan/kebaikan/kelebihan masyarakat penyayang.(bahan 3)

**CADANGAN IDEA:**

**Isi : Kepentingan masyarakat penyayang - bahan 3**

1. dapat mewujudkan suasana aman dan harmoni.
2. dapat memperkuuh perpaduan.
3. dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat.
4. dapat meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik. - masukkan bahan 1 sebagai contoh iaitu 'Kempen Kita Bantu Kita' dengan menubuhkan tabung covid-19 sebagai bantuan kecemasan inisiatif 'Kitafund' untuk membantu golongan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan.
  - boleh gunakan bahan 2 sebagai contoh dalam mana-mana isi
  - boleh masukkan bahan 1 dalam pendahuluan

**Bahagian B**

[70 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Teknologi Internet membentuk satu konsep kerjaya baharu iaitu masyarakat boleh menjana pendapatan menerusi laman sesawang yang ditawarkan. Kerjaya itu dinamakan sebagai *freelancer* yang berkonseptek ekonomi gigi. Secara definisinya *freelancer* ditakrifkan sebagai individu yang berdiri di atas kaki sendiri apabila mereka tidak mempunyai pendapatan tetap tetapi beroleh pendapatan jika menerima tawaran kerja. Seorang *freelancer* boleh menyiapkan tugas di rumah selagi mereka boleh mengakses Internet.

Sumber : Internet.

Petikan di atas menerangkan penggunaan Internet sebagai antara punca pendapatan seseorang.

Jelaskan peluang-peluang kerjaya yang boleh diteroka dengan menjadikan Internet sebagai medium.

**FORMAT JAWAPAN :** Tiada format

**KEHENDAK SOALAN :** Diharapkan calon dapat menjelaskan peluang-peluang kerjaya yang boleh diteroka dengan menjadikan Internet sebagai medium.

**CADANGAN IDEA :**

- i) *Freelancer* (wajib disentuh oleh calon)
- ii) e-perkhidmatan - makanan, barang, kenderaan
- iii) bidang pengiklanan digital
- iv) khidmat nasihat atas talian
- iii) penulis blog (contoh berkaitan fesyen, motivasi, kereta dll)
- iv) e-sukan

2. Memotong di sebelah kiri ialah perbuatan yang berbahaya. Mengapa? Secara normal, pemandu kenderaan-kenderaan besar akan cenderung membelok ke kiri jalan apabila berlaku situasi mencemaskan. Saya pernah melihat sebuah motosikal merempuh sebuah jentolak di persimpangan jalan kerana perbuatan ini. Selain itu, simpang jalan juga bukanlah lokasi terbaik untuk memotong kenderaan. Ada banyak kes penunggang motosikal dirempuh kenderaan lain yang mahu keluar atau masuk simpang. Anda perlu berhati-hati sewaktu menunggang motosikal di jalan raya.

Sumber : *Buku Teks Tingkatan 5*, halaman 148,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kemalangan jalan raya kerap berlaku terutamanya melibatkan penunggang motosikal yang kebanyakannya terdiri daripada golongan belia. Oleh sebab itu, kepentingan mempelajari ilmu keselamatan jalan raya telah didedahkan kepada murid ketika alam persekolahan lagi.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) terhadap murid-murid sekolah.

**FORMAT JAWAPAN :** Tiada format

**KEHENDAK SOALAN :** Diharapkan calon dapat menjelaskan kepentingan belajar Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada calon.

**CADANGAN IDEA :**

- i) sebagai panduan menjadi pengguna jalan raya yang berhemah
- ii) perniagaan dalam talian
- iii) penulis blog (contoh berkaitan fesyen, motivasi, kereta dll)
- iv) e-sukan

3. Walaupun kepentingan senaman dan faedah daripada senaman yang kerap jelas diketahui umum namun penglibatan masyarakat dalam aktiviti senaman agak membimbangkan. Fenomena ini turut merisaukan pelbagai pihak kerana kita dapat masalah kegemukan menjadi ancaman penyakit dan isu kesihatan yang hangat dibicarakan. Ramai dalam kalangan wanita yang mengalami obesiti akibat daripada kurangnya aktiviti fizikal. Oleh itu, senaman adalah sebagai salah satu cara bagi membantu mengawal berat dan memperbaiki bentuk badan, menghalang atau melengahkan penyakit kronik, melewatkkan proses penuaan dan meningkatkan keyakinan diri.

Dipetik daripada *Penjagaan kesihatan menerusi senaman dari perspektif Islam: Kajian terhadap persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)*  
Nur Syamimi binti Azizan, Universiti Teknologi Malaysia

Petikan di atas menyatakan seseorang perlulah menjaga kesihatan diri agar dapat melaksanakan aktiviti harian seperti biasa.

Huraikan langkah-langkah untuk menjaga kesihatan diri.

**FORMAT JAWAPAN :** Tiada format

**KEHENDAK SOALAN :** Diharapkan calon dapat menerangkan langkah-langkah menjaga kesihatan diri.

**CADANGAN IDEA :**

- i) mengamalkan pemakanan seimbang
- ii) melakukan aktiviti riadah
- iii) menjalani pemeriksaan kesihatan
- iv) mendapatkan rehat dan tidur yang cukup

4. Rumah tradisional Melayu adalah antara seni bina terawal yang merupakan tempat kediaman tradisional masyarakat penduduk asal etnik Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sumatera dan Kalimantan. Sehingga kini, kita masih lagi dapat melihat rumah-rumah tradisional ini berdiri dengan kukuh di kawasan-kawasan kampung atau pendalaman. Namun begitu akibat arus pemodenan dalam seni bina moden di bandar-bandar besar, terdapat rumah tradisional yang terbiar tanpa penjagaan.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan bahawa banyak rumah dan bangunan tradisional Melayu yang terbiar tanpa penjagaan pada masa ini. Atas kesedaran pentingnya memelihara warisan tradisional ini, anda ingin menulis rencana tentang langkah-langkah memelihara rumah tradisional Melayu.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**FORMAT JAWAPAN : Rencana**

**KEHENDAK SOALAN :** Diharapkan calon dapat menulis rencana tentang Langkah-langkah Memelihara rumah tradisional Melayu.

**CADANGAN IDEA :**

- i) mengenal pasti dan mengkaji ciri-cirinya
- ii) mengasimilasikan kepada binaan terkini
- iii) mewartakan sebagai kawasan pelancongan
- iv) mewujudkan agensi pengurusan
- v) menghasilkan buku atau ensiklopedia